



## Tingkah laku pengundi dan pilihan politik di kawasan Parlimen Pasir Mas, Kelantan

Junaidi Awang Besar<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Program Geografi, Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekutaran dan Pembangunan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Junaidi Awang Besar (email: jab@ukm.edu.my)

### Abstrak

Tingkah laku politik merupakan tindakan seseorang terhadap aktiviti politik yang merangkumi persepsi atau pandangan; dan partisipasi atau penyertaan dalam aktiviti politik. Perlakuan politik membawa kepada pilihan atau sokongan pengundi kepada calon atau parti politik dalam pilihan raya. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tingkah laku pengundi dan pilihan politik di kawasan Parlimen Pasir Mas, Kelantan. Beberapa kaedah telah digunakan iaitu kajian kepustakaan, pemerhatian di lapangan dan soal selidik terhadap 300 orang responden di kawasan Parlimen Pasir Mas. Hasil kajian mendapati bagi tingkah laku pengundian di kawasan Parlimen Pasir Mas menunjukkan bahawa pendekatan teori pilihan rasional lebih dominan berbanding teori identifikasi parti dan model sosiologi. Ini menunjukkan bahawa pengundi di Parlimen Pasir Mas lebih mengutamakan kepentingan kepada kehidupan mereka terutama yang berkaitan dengan ekonomi, kebajikan, pembangunan dan kemudahan awam terutama bagi pengundi muda. Pilihan politik responden memihak kepada PAS di Parlimen Pasir Mas dan juga Negeri Kelantan. Walau bagaimanapun, mereka masih memerlukan kedua-dua parti ini iaitu Kerajaan PAS Kelantan dan Kerajaan Persekutuan/BN untuk menyelesaikan masalah sosioekonomi dan politik di kawasan Parlimen Pasir Mas. Justeru adalah menjadi tanggungjawab pihak kerajaan untuk memastikan permasalahan rakyat dijadikan keutamaan untuk diselesaikan melalui polisi sosioekonomi yang sesuai.

**Kata kunci:** aktiviti politik, parti politik, partisipasi, persepsi, pilihan raya, tingkah laku politik

## Behavior of voters and political choice in the Parliamentary area of Pasir Mas, Kelantan

### Abstract

Political behavior is one's actions against political activities that include perception; and participation in political activities. Political behavior leads to a voter selection or support for candidate or political parties in the elections. Thus, this study was undertaken to investigate the behavior of voters and political choice in the parliamentary constituency of Pasir Mas, Kelantan. Several methods have been used, namely the literature review, field observations and questionnaires to 300 respondents in Pasir Mas parliamentary constituency area. The study found that voting behavior in the constituency of Pasir Mas showed that rational choice theory approach more dominant than party identification theory and the model of sociology. This suggests that voters in Pasir Mas are giving priority to their livelihood interest, especially those related to the economy, welfare, development and public facilities, especially amongst the young voters. Political preferences of respondents in favor of PAS in Pasir Mas and also Kelantan. However, they still need the two parties, namely PAS Kelantan Government and the Federal Government/BN to resolve the socio-economic and political problems in the constituency of Pasir Mas. Hence it is the responsibility of the authorities to ensure that the people should be a priority issue to be resolved through appropriate socio-economic policies.

**Keywords:** political activities, political parties, participation, perception, election, political behavior

## Pengenalan

Dalam bidang kajian geografi pilihan raya, tingkah laku sering dimaksudkan sebagai faktor psikologi yang menjadi asas kepada kelakuan ruangan individu yang menekankan peranan kognitif dan faktor pembuat keputusan. Kajian tersebut melibatkan hubungan antara pelbagai dimensi alam sekitar dengan tindakan manusia. Hal ini merangkumi suasana persekitaran manusia sama ada yang lampau, semasa dan akan datang dalam semua konteks termasuk ekonomi, politik dan sosial. Selain bagaimana perkara tersebut dapat mempengaruhi corak dan proses pengundian semasa pilihan raya. Kehidupan manusia yang berbeza dalam konteks ekonomi, politik, sosial, budaya dan sejarah akan membentuk pola pengundian yang berlainan antara sesama mereka.

Dalam kebanyakan negara, pilihan raya merupakan satu-satunya kegiatan politik yang melibatkan ramai orang. Peratusan yang keluar mengundi biasanya lebih besar daripada peratusan yang menjadi ahli kumpulan pendesak atau parti politik. Dengan kata lain, ramai yang bersikap pasif dan tidak ambil peduli terhadap politik, tetapi sewaktu pilihan raya, mereka akan keluar mengundi. Mengundi itu sendiri merupakan aktiviti yang mudah dan mengambil masa yang singkat, namun proses kearah membuat keputusan semasa mengundi itu mungkin lebih kompleks, mengambil masa yang panjang dan boleh menimbulkan beberapa persoalan. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk mengkaji perlakuan pengundi dan pilihan politik di kawasan Parlimen Pasir Mas, Kelantan.

## Kajian literatur

Menurut Martin Holland (1992), tingkah laku pengundian didefinisikan sebagai bidang yang cuba memahami asas yang menjadi pertimbangan pengundi dalam membuat keputusan sama ada hendak mengundi atau tidak dan juga calon yang hendak dipilih. Ismail (1979) telah menganalisis keputusan pilihan raya 1978 bagi memahami tingkah laku pengundi-pengundi. Dalam usaha ini beliau telah menghubungkan struktur politik negara dengan etnik-etnik yang terdapat dalam negara. Kajian beliau membuktikan bahawa struktur politik di Malaysia adalah berteraskan kepada etnik. Dalam pilihan raya umum 1978 umpamanya dari 114 kawasan Parlimen yang dipertandingkan di Semenanjung Malaysia, parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) seperti UMNO telah berjaya menawan kawasan yang majoritinya adalah orang Melayu. Begitu juga bagi kawasan yang majoriti orang Cina, mereka lebih gemar memilih parti pembangkang terutamanya DAP.

Mc Gee (1962) mendapati etnik merupakan faktor penting dalam proses politik di Malaysia. Beliau menyatakan faktor etnik, kewilayahannya dan personaliti calon mendominasi politik negara dalam tahun 1950-an. Sokongan yang diperoleh parti yang berasaskan etnik seperti PAS dan PPP menunjukkan corak politik yang sedemikian mendominasi iklim politik secara keseluruhan. Parti juga dikuatkan dengan meletakkan calon daripada etnik tertentu untuk satu kawasan pilihan raya yang etnik tertentu adalah dominan. Vasil (1972) dalam bukunya *Politics in a Plural Society: A Study of Non-Communal Political Parties in West Malaysia* menyatakan bahawa faktor etnik ini perlu dilihat dari sudut perkembangan parti politik yang bersifat berbilang kaum. Tesis Vasil ialah parti politik yang padanya, asalnya bersifat berbilang kaum bertukar kepada parti bukan Melayu dan akhirnya menjadi organisasi bukan Melayu yang bersifat perkauman. Oleh itu, pilihan politik berasaskan etnik lebih cenderung kepada model sosiologi.

Johnson (1980) mendapati jika projek pembangunan bandar yang dilakukan sebelum pilihan raya telah menjaskan kesejahteraan rakyat maka pengundi di bandar tersebut akan bertindak mengundi parti lawan seterusnya menyebabkan perubahan dasar kerajaan terhadap pembangunan bandar selepas pilihan raya tersebut. Walsh (1979) menjelaskan bidang kajian geografi politik terutamanya pilihan raya dan politik bandar penting kepada penyelidik dan juga ahli politik kerana bidang-bidang tersebut akan menentukan kuasa dan strategi kedua-dua pihak tersebut untuk mendapat sokongan pengundi bandar seterusnya memudahkan program pembangunan di kawasan bandar.

Funston (1980), dalam kajiannya telah menyatakan bahawa golongan masyarakat Melayu yang taraf sosioekonomi tinggi lebih cenderung menyokong kepada UMNO sebaliknya golongan masyarakat Melayu bertaraf sosioekonomi rendah lebih cenderung menyokong PAS. Ratnam (1970) yang mengkaji pilihan raya umum 1969 menekankan faktor kumpulan etnik yang tinggal secara

berasingan telah membentuk latar belakang kawasan pilihan raya yang bersifat *communal votes*. Brown (2005) juga bersetuju bahawa kelakuan pengundian di Malaysia sejak pilihan raya pertama lagi pada tahun 1959 sehingga 2004 adalah dicorakkan oleh faktor etnik sebagai asas sokongan kepada parti politik. Kawasan-kawasan yang mempunyai majoriti Melayu akan memberi sokongan kepada BN manakala kawasan majoriti Cina lebih cenderung kepada pihak pembangkang.

Selain itu, Ahmad Fawzi (1995), telah membuat satu kajian tentang perilaku pengundi di negeri Kedah selepas pilihan raya umum 1995. Kajian tersebut telah dijalankan di tiga kawasan parlimen di negeri Kedah iaitu kawasan Pendang, Kota Setar dan Jerlun yang melibatkan 1118 orang responden. Kajian ini mendapati bahawa majoriti para pengundi di kawasan kajian mempunyai rasa tanggungjawab serta meletakkan nilai yang tinggi terhadap undi yang diberikan ketika pilihan raya. Didapati juga para pengundi berusaha untuk memastikan bahawa kerajaan yang terbentuk selepas pilihan raya merupakan sebuah kerajaan yang terbaik baginya. Justeru, responden lebih cenderung kepada ciri-ciri teori pilihan rasional ketika mengundi.

Abdul Hamid (1995) telah membuat analisis awal ragam pengundian di Malaysia yang dijalankan secara tinjauan sampel (*sample survey*) di seluruh Semenanjung Malaysia. Tinjauan ini melibatkan seramai 2384 orang responden, lelaki dan perempuan berumur 21 tahun dan lebih. Keputusan kajian menunjukkan sebahagian besar responden berminat terhadap politik negara dan menganggap mengundi itu satu tanggungjawab rakyat kepada negara. Hasilnya, kajian mendapati ramai rakyat Malaysia peka terhadap kemenangan atau kekalahan parti-parti politik yang bertanding dalam pilihan raya. Majoriti responden bergantung kepada media cetak dan elektronik sebagai sumber maklumat politik. Dalam membuat pemilihan semasa pilihan raya ternyata bahawa kebanyakan pengundi di Malaysia memilih parti daripada memilih calon, dan agak ramai bilangan pengundi yang membuat pertimbangan ke atas kedua-dua hal iaitu parti dan calon. Ketokohan dan keperibadian baik calon menjadi kriteria utama seseorang calon itu dipilih, manakala asas pemilihan ialah dasar manifesto parti. Akhir sekali, seperti yang ketara daripada keputusan setiap pilihan raya negara ini, majoriti responden mempunyai keyakinan terhadap Barisan Nasional sebagai parti yang mampu memerintah negara.

Ghazali (1999) yang mengulas tentang identifikasi parti dan pengundian dengan menggunakan data agregat pilihan raya umum 1982, 1986, 1990 dan 1995 bagi menggambarkan identifikasi parti berlaku di Malaysia. Kajian beliau bertumpu kepada data perbezaan peratusan undi dan kerusi yang diperoleh Barisan Nasional dan pihak pembangkang di negeri Kedah dan Pulau Pinang. Beliau mengambil data keputusan agregat parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) dua negeri berkenaan untuk dianalisa perbandingan identifikasi parti. Dua negeri berkenaan dipilih kerana pengundi Melayu merupakan majoriti di Kedah manakala pengundi Cina adalah majoriti di Pulau Pinang.

Mohd Azri (2013) dalam kajian mengenai ‘Tingkah laku pengundi di kawasan Parlimen Labuan’ mendapati pendekatan model pilihan rasional lebih dominan berbanding identifikasi parti dan sosiologi. Iini menunjukkan bahawa pengundi di Labuan lebih mengutamakan kepentingan yang memperlihatkan keuntungan kepada mereka terutamanya yang berkaitan dengan ekonomi, kebijakan, pembangunan dan kemudahan awam. Junaidi et al. (2014) dalam kajian “Analisis Pilihan Raya Kecil (PRK) 2013-2014 di Malaysia dengan menggunakan pendekatan Teori Pilihan Rasional, Teori Identifikasi Parti dan Model Sosiologi di kawasan DUN Kuala Besut (Terengganu), DUN Sungai Limau (Kedah), DUN Kajang (Selangor), DUN Balingian (Sarawak), Parlimen Bukit Gelugor (Pulau Pinang) dan Parlimen Teluk Intan (Perak)” mendapati sokongan pengundi di kawasan DUN Kuala Besut dipengaruhi oleh identifikasi parti, DUN Sungai Limau (identifikasi parti), DUN Kajang (sosiologi), DUN Balingian (pilihan rasional), Parlimen Bukit Gelugor (sosiologi) dan Parlimen Teluk Intan (pilihan rasional). Keadaan tersebut dipengaruhi oleh sumber maklumat politik, corak kempen, etnik calon, faktor kekeluargaan, agama, perkauman dan politik pembangunan. Justeru, senario politik dan pilihan raya di Malaysia menarik untuk dikaji dengan mempunyai variasi atau kepelbagaiannya pola pengundian berdasarkan faktor kawasan/lokasi geografi, ideologi politik, tahap pembangunan dan persekitaran sosial yang unik dan menarik untuk dikaji.

Junaidi (2012) dalam kajian persepsi politik pengundi dalam pilihan raya Kecil DUN Permatang Pasir, Pulau Pinang mendapati 60 peratus responden menyatakan dasar yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat/pakatan pembangkang banyak menguntungkan orang bukan Melayu dan 81 peratus menyatakan DAP lebih memainkan peranan dalam membuat keputusan polisi Kerajaan

Negeri. Dari perspektif jangkaan keputusan pilihan raya kecil, 60 peratus responden menyatakan PAS akan mengekalkan kemenangan di DUN tersebut. PAS berjaya mengekalkan kemenangan di DUN tersebut melalui calonnya Mohd. Salleh Man yang menewaskan calon BN (UMNO), Rohaizat Othman dengan majoriti 4551 undi. Faktor kejayaan PAS mengekalkan kemenangan adalah kawasan tersebut adalah kubu kuat pakatan pembangkang iaitu kawasan penasihat PKR Dato' Seri Anwar Ibrahim (ahli Parlimen Permatang Pauh) dan isu kredibiliti calon BN yang dimainkan oleh penceramah-penceramah daripada parti-parti dalam Pakatan Rakyat.

Junaidi et al. (2014) dalam kajian PRK Parlimen Teluk Intan mendapati secara keseluruhannya sokongan pengundi di kawasan ini dipengaruhi oleh ‘pilihan rasional’. Ini kerana berdasarkan pemerhatian di lapangan melalui senario kempen dan penerimaan pengundi ketika itu menunjukkan majoriti pengundi di kawasan Parlimen Teluk Intan mengundi calon atau parti yang dapat membawa perubahan dan pembangunan yang lebih baik terutamanya pengundi daripada etnik Melayu dan India. Manifesto calon BN bagi pengundi lebih realistik kerana BN menguasai Kerajaan Negeri Perak yang berkuasa terhadap tanah dan Kerajaan Persekutuan yang mempunyai peruntukan kewangan yang besar. Tiga fokus utama calon BN (Mah Siew Keong) adalah untuk membangunkan Teluk Intan meliputi infrastruktur, pelancongan dan masyarakat setempat.

Junaidi et al. (2015a) dalam kajian Pilihan raya Kecil (PRK) Parlimen Permatang Pauh dan Parlimen Rompin 2015 mendapati isu nasional lebih mempengaruhi dalam PRK Permatang Pauh dan politik pembangunan terus ditagih oleh pengundi dalam PRK Rompin yang majoriti pengundinya adalah peneroka FELDA seperti di FELDA Keratong 1-5. Keputusan PRK ini menunjukkan BN dan PKR berjaya mengekalkan kerusi yang dimenangi oleh parti-parti tersebut pada PRU-13, 2013 yang lalu. Oleh itu, dalam PRK ini memperlihatkan pemimpin atau calon lama tetap dipilih oleh rakyat di kedua-dua kawasan ini. Ini menunjukkan ikatan identifikasi parti pengundi begitu kuat kepada BN di Rompin dan PKR (Permatang Pauh) walaupun kedua-dua parti ini meletakkan calon lama sebagai calon dalam kedua-dua pilihan raya kecil ini.

Junaidi et al. (2015b) dalam kajian Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Kajang, Selangor mendapati jenis kempen, manifesto parti dan calon menjadi medium utama dalam mempengaruhi sokongan responden kepada parti politik dalam PRK DUN Kajang. Keseluruhannya, persepsi terhadap dasar-dasar Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat adalah positif namun pengundi mengharapkan agar isu ekonomi iaitu isu kenaikan harga barang dan peluang pekerjaan dapat ditangani oleh pihak yang berwajib agar kehidupan mereka lebih baik. PRK DUN Kajang juga memperlihatkan pengekalan ‘status quo’ iaitu kemenangan kepada PKR kerana impak keputusan PRU 2013 masih baru dan terkesan oleh pengundi di DUN Kajang.

Junaidi dan Mohd Fuad (2016) dalam kajian trend pengundian Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Tenang (Johor), Kerdau (Pahang) dan Merlimau (Melaka) menunjukkan sokongan terhadap UMNO bergantung kepada undi yang disumbangkan oleh kaum Melayu. Ini mengukuhkan lagi hegemoni UMNO terhadap pengundi Melayu dalam persada politik negara hingga sekarang. Pengundi Melayu yang tinggal di kawasan luar bandar yang hanya menerima maklumat daripada media arus perdana; yang juga dibelenggu kemiskinan yang masih serba kekurangan dari segi kemudahan infrastruktur yang amat dipengaruhi oleh sentimen ‘Politik Pembangunan’ yang masih memerlukan bantuan atau ‘tongkat’ serta mempunyai mentaliti bahawa orang Melayu sebagai ‘tuan’ dan penduduk ‘asal’ di Malaysia ini dan berpandangan hanya UMNO/BN yang layak dan sesuai mentadbir negara dan negeri berdasarkan pengalaman 56 tahun memerintah negara dan negeri, akan terus menyokong UMNO/BN.


Junaidi (2017a) dalam kertas kerja beliau iaitu ‘Pengaruh Identifikasi Parti dan Politik Pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar 2016’ mendapati bahawa BN terus mengekalkan ‘status quo’ kerana faktor identifikasi parti dan mentaliti politik pembangunan yang menebal dalam pemikiran pengundi di kedua-dua kawasan tersebut. Pertandingan tiga penjuru yang mengakibatkan perpecahan parti-parti pembangkang antara PH dengan PAS turut memberi kelebihan kepada BN untuk terus kekal dengan pertambahan majoriti yang lebih tinggi. Namun begitu jika dilihat kepada keputusan PRK mengikut kawasan daerah mengundi majoriti etnik tertentu serta lokasi geografi (bandar-luar bandar) jelas menunjukkan pola pengundian yang berlaku adalah mirip keputusan PRU 2013 sebelumnya. Faktor PRK yang diadakan pada bulan puasa, pengundi luar yang tidak pulang mengundi, perpecahan undi pembangkang, protes penyokong parti masing-masing turut mempengaruhi peratusan keluar mengundi seterusnya keputusan dan pola pengundian. Justeru, semua parti politik perlu mengambil iktibar terhadap

keputusan dan pola pengundian sedemikian untuk merangka strategi politik yang mantap bagi memenangi hati pengundi menuju PRU-14 akan datang.

Bagi kajian tingkah laku pengundi di Kelantan, Samsiyah (1996) yang mengkaji tingkah laku pengundi bandar dan luar bandar bagi Pilihan Raya Umum 1986, 1990 dan 1995 di Kelantan, mendapati bahawa sikap, pendapat, dan tindak balas yang berbeza antara individu. Walau bagaimanapun, pengundi di Kelantan amat bermintat tentang politik sama ada di bandar atau luar bandar. Mereka amat mengambil berat setiap calon yang menang. Junaidi dan Mohd Fuad (2009) dalam kajian PRK DUN Manek Urai, Kelantan mendapati kejayaan BN menguasai hampir semua undi daripada saluran tiga dan empat menggambarkan pengundi muda mula memberi kepercayaan kepada Kerajaan Pusat untuk membawa pembangunan ke Manek Urai, yang sebahagian besar penduduk bekerja sebagai penoreh getah, pekebun kecil kelapa sawit dan buah-buahan serta bekerja sendiri. Faktor kejayaan BN mengurangkan majoriti kemenangan PAS ialah kemampuan BN menyusun strategi yang baik untuk menawan hati pengundi dan kepimpinan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak sendiri menunjukkan komitmen tinggi menyelesaikan setiap isu rakyat yang berbangkit sebelum ini.

Mohd. Fuad dan Junaidi (2005) dalam kajian Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Pengkalan Pasir di Pasir Mas pada Mac 2005 menjelaskan pilihan raya kecil tersebut merupakan indikator penilaian kekuatan PAS bertahan di Kelantan dan penaklukan semula kuasa BN. Lazimnya pilihan raya kecil sememangnya memberi kelebihan kepada parti pemerintah, namun begitu, percaturan politik Kelantan tetap menarik kerana kedudukan majoritinya yang rapuh atau bahaya. Jika kemenangan BN di DUN Pengkalan Pasir merupakan satu manifestasi anjakan pemikiran politik pembangunan dalam kalangan pengundi, sudah pasti fenomena tersebut memihak kepada BN dan dianggap sebagai petanda yang mendorong BN berkuasa semula. Walau bagaimanapun kemenangan semula BN akan tercapai dengan syarat BN mesti mengekalkan kerjasama yang erat seperti yang ditunjukkan dalam pilihan raya DUN ini, menepati janji dan melaksanakan projek pembangunan terus-menerus dan kesepadan dalam pimpinan UMNO Kelantan itu sendiri. Junaidi (2017b) dalam kertas kerja yang bertajuk ‘Status quo BN melalui strategi politik pembangunan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Kubor’ menunjukkan bahawa pandangan politik responden adalah berbeza mengikut latar belakang sosioekonomi dan demografi responden. Hasil dapatan kajian memperlihatkan bahawa strategi politik pembangunan yang diamalkan oleh BN dapat menyakinkan pengundi dalam PRK tersebut.

Sebagai kesimpulannya, terdapat 3 teori atau model kelakuan pengundi dalam setiap pilihan raya di dunia ini iaitu Teori Identifikasi Parti, Teori Pilihan Rasional dan Model Sosiologi (Rajah 1).



Rajah 1. Teori tingkah laku mengundi

Teori Identifikasi Parti merujuk kepada psikologi jangka panjang yang menghubungkan antara pengundi dan sesebuah parti politik yang dipilih (Campbell et al. 1960). Psikologi sosial dalam Teori Identifikasi Parti menjelaskan bahawa identifikasi parti berkembang pada awal kehidupan seseorang dan dipengaruhi oleh ibu bapa melalui proses sosialisasi politik. Dari semasa ke semasa, individu menilai dari sudut pandang mereka tentang politik serta membentuk hubungan yang baik dengan pihak dan parti tertentu secara berterusan. Campbell et al. (1960) turut menyatakan bahawa identifikasi parti merujuk kepada kesetiaan dan keterikatan yang berpanjangan terhadap sesebuah parti dan ia mempengaruhi sikap serta tingkah laku politik di samping sentiasa mengundi parti

tertentu dalam pilihan raya. Hal ini kerana identifikasi parti mewarnai isu-isu semasa dalam masyarakat, pemilihan calon, hal-hal politik dan ia memainkan peranan yang penting dalam pilihan undi setiap individu. Pendekatan ini dikembangkan sepenuhnya di Amerika Syarikat dengan penyumbang utamanya adalah Universiti Michigan, sehingga model perilaku pemilih berdasarkan pendekatan psikologi juga sering disebut Teori Michigan.

Teori pilihan rasional ataupun *Rasional choice* pula telah diperkenalkan oleh Down (1957) dalam karyanya “*An economic Theory of democracy*”. Beliau menamakan pilihan politik dengan pilihan ekonomi. Menurutnya dalam pasaran ekonomi seseorang pengguna akan membandingkan barang-barang pengeluaran dari segi harga barang dan seterusnya membuat pilihan untuk membeli berdasarkan nilai wang sesuatu barang. Dalam membuat pilihan dalam pilihan raya, lazimnya pengundi akan memberi undi kepada parti atau calon yang paling berkemungkinan memuaskan tuntutan mereka dengan berpandukan maklumat-maklumat dan pengetahuan terhadap sesuatu pilihan itu.

Model Sosiologi juga merupakan teori yang penting dalam kajian tingkah laku pengundi terhadap parti politik. Sosiologi adalah ilmu pengetahuan yang memberi pemahaman interpretatif tentang suatu tindakan sosial dalam rangka untuk membuat penjelasan berkaitan sebab dan akibat. Model berasaskan bidang sosiologi mula diperkenalkan oleh Paul Lazarsfeld, Bernad Berelson dan Hazel Gaudent (1948) di Universiti Columbia. Buku *The People's Choice* merupakan hasil kajian mereka di dalam pilihan raya presiden 1940. Selepas itu mereka juga telah menghasilkan buku *Voting* terbitan tahun 1954 dan *Personal influence* pada tahun 1955. Kumpulan penyelidik Universiti Columbia ini telah menggunakan instrumen soal selidik sebagai metod utama mereka untuk mendapatkan data dalam pilihan raya presiden.

Kajian oleh Lazarsfeld dan rakan-rakan pada tahun 1940 tersebut adalah kajian yang pertama menggunakan instrumen soal selidik dalam kajian pilihan raya presiden Amerika. Dalam kajian tersebut, seramai 600 pengundi di negeri Ohio telah dipilih untuk dijadikan panel temubual. Setiap daripada mereka telah ditemubual sebanyak tujuh kali sepanjang tujuh bulan kempen pilihan raya presiden berjalan. Sebelum kajian lapangan dilakukan, hipotesis utama Lazarsfeld dan rakan-rakan (1948) adalah pengundi akan dipengaruhi oleh media sepanjang waktu kempen berlangsung, walaupun bagaimanapun mereka mendapati hipotesis mereka adalah bertentangan dengan dapatan kajian iaitu pengaruh media terhadap tingkah laku pengundi adalah berada dalam tahap minimum sahaja. Majoriti responden yang ditemui telah menetapkan pilihan parti mereka sejak awal kempen lagi.


Terdapat beberapa tokoh Teori Sosiologi yang dianggap banyak memberi pandangan serta pendapat, dan hingga sekarang masih digunakan sebagai asas pemikiran dalam menjelaskan sosiologi politik. Tokoh-tokoh tersebut termasuklah Karl Marx, Max Weber dan Emile Durkheim. Ketiga-tiga mereka ini dianggap sebagai tokoh utama dalam Teori Sosiologi Klasik. Meskipun ketiga-tiganya tidak menjelaskan tentang sosiologi politik secara terperinci, namun teori dan konsep mereka mampu memberi pemahaman yang mendalam tentang sosiologi politik berdasarkan Teori Sosiologi Klasik. Terdapat persamaan di antara ketiga-tiga tokoh ini dalam menjelaskan teorinya. Ia termasuklah (i) mengulas analisis sosiologi secara makro; (ii) penjelasan tentang sosiologi yang bersifat melalui perbezaan sejarah; (iii) mengemukakan wujudnya perubahan social; dan (iv) teorinya dapat diterapkan pada semua lapisan masyarakat.

## Kawasan kajian dan metodologi

Kawasan yang dipilih dalam kajian ini ialah Parlimen Pasir Mas yang terletak dalam Negeri Kelantan Darul Naim. Kawasan Parlimen Pasir Mas berkeluasan 202.54 km persegi dan terletak di bahagian utara negeri Kelantan serta mengandungi 40 kawasan Daerah Mengundi (Rajah 2). Hampir 85 peratus daripada keluasan jajahan Pasir Mas adalah terdiri daripada tanah rata. 15 peratus daripada jajahan ini pula terdiri daripada kawasan rendah dan berpaya. Jumlah keseluruhan pengundi P22 Pasir Mas berjumlah 72,967 orang pengundi yang berdaftar daripada keseluruhan tiga DUN iaitu N11 Tendong 21,733 orang, N12 Pengkalan Pasir 27,655 orang dan N13 Chetok 23,579 orang pengundi berdaftar. Dari segi peratusan etnik pengundi, etnik Melayu merupakan etnik yang tertinggi iaitu 96.41 peratus, diikuti etnik Cina 3.32 peratus, etnik India 0.07 peratus dan etnik lain-lain pula mencatatkan 0.20 peratus.

Jika ditinjau dari aspek sejarah pilihan raya, kawasan kajian yang dikenali sebagai Pasir Mas merupakan kawasan yang dikuasai oleh pelbagai parti yang mana pada permulaan pilihan raya tahun 1995 hingga 1969 dikuasai oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS), pada tahun 1974 hingga 1978 dikuasai oleh Perikatan (kini BN), 1982 dikuasai PAS satu penggal dan satu penggal berikutnya pada tahun 1986 pula dikuasai oleh Barisan Nasional (BN). Kemudian pada tahun berikutnya selama dua penggal iaitu tahun 1990 hingga 1995 telah dikuasai oleh Parti Melayu Semangat 46 (S46) kerana wujudnya krisis dalam UMNO menyebabkan tertubuhnya parti serpihan UMNO iaitu S46. Seterusnya pada PRU 1999 hingga PRU 2013 (4 penggal) kembali dikuasai oleh PAS.

Terkini pada pilihan raya umum pada tahun 2013 dimenangi oleh calon PAS yang diwakili oleh Nik Mohamad Abduh dengan memperoleh 33,431 undi, menewaskan calon Bebas yang diwakili oleh Ibrahim bin Ali @ Dato' Haji Ibrahim Ali memperoleh 25,384 undi. PAS menang dengan majoriti 8047 undi daripada jumlah keseluruhan peratusan mengundi iaitu 83.60 peratus atau 60,168 orang jumlah keluar mengundi daripada jumlah keseluruhan pengundi berdaftar 71,965 orang. Undi rosak dicatatkan sebanyak 1115 undi.



Sumber: Diubahsuai daripada Pelan Warta (PW) Parlimen Pasir Mas,  
 Pejabat Pilihan Raya Negeri Kelantan, Kota Bharu 2016


Rajah 2. Peta kawasan daerah-daerah mengundi dalam Parlimen Pasir Mas, Kelantan

Kaedah pengumpulan data dilakukan melalui kaedah kaji selidik, pemerhatian, rujukan di pejabat-pejabat kerajaan negeri dan persekutuan serta rujukan di pejabat-pejabat UMNO dan PAS Kelantan dan Pasir Mas. Kaedah data sekunder turut digunakan di mana bahan-bahan bertulis, kajian di perpustakaan dan kajian lepas telah dirujuk. Bagi penganalisan data pula melibatkan penggunaan perisian SPSS versi 24 untuk menganalisis data primer iaitu borang soal selidik dan analisis bahan sekunder bagi bahan-bahan bercetak.

## Hasil kajian dan perbincangan

### *Teori kelakuan pengundi paling dominan di kawasan Parlimen Pasir Mas*

Berdasarkan hasil kajian iaitu teori kelakuan pengundi paling dominan di kawasan Parlimen Pasir Mas menunjukkan bahawa 56.3 peratus responden menyatakan pilihan rasional paling mempengaruhi mereka untuk mengundi, kemudian bagi responden yang menyatakan pilihan sosiologi pula mencatatkan 25.0 peratus manakala bagi responden menyatakan identifikasi parti mempengaruhi mereka untuk mengundi mencatatkan 18.7 peratus (Rajah 3). Hasil kajian melalui parameter teori kelakuan mengundi di Parlimen Pasir Mas dapat disimpulkan bahawa pengundi Parlimen Pasir Mas mengundi berdasarkan pilihan rasional berbanding faktor sosiologi dan identifikasi parti. Teori pilihan rasional mencatatkan nilai yang tertinggi dipilih oleh responden. Ini kerana berdasarkan pertimbangan ekonomi, kos yang ditanggungnya dengan keluar mengundi (seperti masa dan meninggalkan aktiviti lain) melebihi daripada pulangan atau faedah yang akan diperoleh.



**Rajah 3.** Teori/model perlakuan mengundi yang paling mempengaruhi responden untuk mengundi

Pendekatan ini juga mengandaikan bahawa calon atau parti yang bertanding akan mengemukakan dasar atau program yang akan dapat menarik sokongan pengundi. Pengundi pula akan bertindak secara rasional dengan memilih calon atau parti yang sesuai dengan kehendaknya dan dijangka akan memberi faedah kepadanya. Berbanding dengan dua pendekatan lain pendekatan pilihan rasional ini menekankan tentang kepentingan yang akan diperoleh pengundi itu sendiri. Antara faktor pilihan rasional adalah faktor usia responden daripada golongan muda/belia yang bersikap ‘tunggu dah lihat’ setiap parti sebelum membuat pilihan ketika berada dalam tempat mengundi. Dalam pemilihan rasional ini, para pengundi akan memilih parti berdasarkan kepada manifesto yang menarik, kepimpinan seseorang calon parti, isu-isu yang dibangkitkan, dan parti yang memberikan faedah serta perkhidmatan kepada rakyat.

Hasil daripada ujian silang antara teori/model kelakuan mengundi dengan jantina menunjukkan bahawa responden lelaki yang paling tinggi memilih teori pilihan rasional semasa mengundi iaitu mencatatkan nilai tertinggi iaitu 55.1 peratus (Jadual 1). Bagi teori identifikasi dan

sosiologi masing-masing mencatatkan 19.6 peratus dan 25.4 peratus. Bagi responden perempuan juga menunjukkan peratusan pilihan rasional adalah paling tinggi iaitu 57.4 peratus berbanding yang memilih teori identifikasi parti dan sosiologi yang masing-masing mencatatkan 17.9 peratus dan 24.7 peratus. Oleh itu sebagai kesimpulannya, tiada perbezaan yang ketara pilihan teori kelakuan pengundi berdasarkan jantina.

Ini menunjukkan bahawa kedua-dua jantina lelaki dan perempuan pilihan rasional lebih mempengaruhi mereka untuk membuat pilihan semasa mengundi. Ini kerana pilihan rasional menjadi pilihan mereka dengan alasan pilihan rasional merupakan pilihan yang terbaik berbanding identifikasi parti dan model sosiologi. Pilihan rasional memberi kelebihan kepada pengundi kerana pilihan rasional memberi pertimbangan dari segi pulangan faedah kepada mereka dari segi pembangunan ekonomi kepada kehidupan mereka. Jika dilihat kepada analisis kenyataan parameter pilihan rasional pengundi lebih memilih parti yang dapat menjamin masa depan mereka serta keturunan mereka pada masa hadapan, memenuhi kebajikan mereka dan memberi pembangunan yang selayakkanya kepada mereka. Perkara ini semuanya mendorong pengundi tidak kira jantina memilih parti berdasarkan pilihan rasional. Namun begitu pilihan identifikasi parti dan model sosiologi juga mempengaruhi kedua-dua jantina ini.

**Jadual 1. Ujian Taburan Silang antara Teori/Model Perlakuan Mengundi dengan Jantina**

Jantina	Identifikasi Parti	Pilihan Rasional	Sosiologi
Lelaki	19.6	55.1	25.4
Perempuan	17.9	57.4	24.7

Merujuk kepada Jadual 2, responden berumur 21-30 tahun memilih identifikasi parti 16.0 peratus, pilihan rasional 56.6 peratus dan sosiologi 27.4 peratus. Responden berumur 31-40 tahun memilih identifikasi parti 6.2 peratus, pilihan rasional 68.8 peratus dan sosiologi 25.0 peratus. Responden berumur 41-50 tahun pula memilih identifikasi parti 24.8 peratus, pilihan rasional 45.9 peratus. Seterusnya bagi responden berumur 61-70 tahun 100 peratus memilih identifikasi parti mempengaruhi mereka untuk mengundi.

**Jadual 2. Ujian Taburan Silang antara Teori Pilihan dengan Umur**

Umur (tahun)	Identifikasi Parti	Pilihan Rasional	Sosiologi
21-30	16.0	56.6	27.4
31-40	6.2	68.8	25.0
41-50	24.8	45.9	29.5
51-60	38.7	48.4	12.9
61-70	100.0	0.0	0.0

Berdasarkan kepada Jadual 2 menunjukkan bahawa peratusan semua peringkat umur menunjukkan nilai peratusan yang tinggi kepada teori pilihan rasional mempengaruhi mereka untuk mengundi kecuali responden berumur 61-70 tahun menjadikan identifikasi parti yang mempengaruhi mereka untuk mengundi. Namun begitu, dapat dilihat melalui taburan silang ini dengan lebih dekat menunjukkan responden berumur 21-40 tahun paling dominan memilih pilihan rasional berbanding responden berumur 40 tahun keatas jika diteliti mempunyai jumlah seimbang dengan identifikasi parti, pilihan rasional dan sosiologi. Ini kerana golongan muda atau belia ini lebih memilih parti yang memberi pulangan segera dan memilih berdasarkan kebolehan sesbuah parti yang bertanding jika mereka merasakan parti itu tidak mempunyai kebolehan mereka akan bertukar kepada parti yang lebih baik. Berbanding golongan responden berumur yang mempunyai pengalaman membesar bersama parti yang didokong mendorong mereka setia kepada parti yang tersebut melalui semangat kepartian yang tinggi menyebabkan apa yang berlaku kepada partinya dia tetap menyokong parti tersebut, begitu juga bagi responden berumur yang bukan tergolong dalam golongan belia juga menjadikan model sosiologi sebagai pengaruh kepada mereka untuk terus mendokong dan menyokong parti tersebut atas sebab agama, etnik, dan tempat tinggal mereka lebih dipengaruhi mereka.

Bagi ujian taburan silang antara teori dan status perkahwinan pula menunjukkan bahawa peratusan bujang terpengaruh dengan identifikasi parti semasa mengundi mencatatkan hanya sebanyak 12.1 peratus, pilihan rasional 60.6 peratus dan model sosiologi 27.3 peratus (Jadual 3). Ini menunjukkan bahawa golongan bujang sangat dipengaruhi oleh pilihan rasional berbanding identifikasi parti dan sosiologi kerana telah mencatatkan peratusan tertinggi daripada tiga teori yang dinyatakan. Ini kerana golongan bujang lebih berfikiran terbuka dan rasional dalam membuat pilihan politik dan bagi mereka pilihan rasional memberi faedah kepada mereka berbanding dua teori lain. Golongan bujang tidak begitu mempunyai komitmen dalam hidup apa yang mereka mahukan adalah kebebasan dan kesenangan dalam hidup dengan itu bagi mereka parti politik yang dapat memberi mereka peluang dari segi pembangunan sosioekonomi yang baik akan memberi peluang yang baik untuk parti tersebut mendapat undi mereka.

**Jadual 3. Ujian Taburan silang/crosstab antara teori pilihan dengan status perkahwinan**

Status Perkahwinan	Identifikasi Parti	Pilihan Rasional	Sosiologi
Bujang	12.1	60.6	27.3
Berkahwin	22.2	53.5	24.2
Janda	0.0	100	0.0

Bagi status perkahwinan yang sudah berkahwin pula menunjukkan peratusan identifikasi parti mencatatkan nilai 22.2 peratus, pilihan rasional 53.5 peratus dan model sosiologi 24.2 peratus. Status perkahwinan yang sudah berkahwin juga menunjukkan peratusan tertinggi yang mempengaruhi mereka adalah pilihan rasional namun begitu peratusan identifikasi parti dan sosiologi juga dapat mempengaruhi mereka membuat pilihan semasa mengundi. Selain alasan pilihan rasional yang dapat memberi pulangan faedah kepada mereka, pilihan model sosiologi juga mempunyai alasan tersendiri kepada responden kerana sosiologi dari segi etnik dan agama menjadi satu faktor kepada responden memilih parti politik dalam pilihan raya, model sosiologi sangat mempengaruhi golongan bujang dan berkahwin kerana bagi mereka melalui sama etnik dan agama calon dan parti tersebut akan memberi peluang yang baik untuk parti tersebut meraih undi mereka sepertimana PAS yang memperjuangkan prinsip agama Islam sebagai dasar utama.

Bagi ujian taburan silang antara teori kelakuan pengundian dengan tahap pendidikan tertinggi (Jadual 4), menunjukkan bahawa tahap pendidikan responden yang ‘tidak bersekolah’ 100 peratus iaitu mewakili tiga orang responden daripada keseluruhan 300 responden dipengaruhi oleh model sosiologi semasa mengundi dan ‘Sekolah Rendah’ 100 peratus pula diwakili enam orang responden daripada keseluruhan responden dipengaruhi oleh Teori identifikasi parti. Bagi responden mempunyai tahap pendidikan ‘Sekolah Menengah Agama’ 20.0 peratus dipengaruhi teori identifikasi parti, 40.0 peratus pilihan rasional dan 40.0 peratus dipengaruhi oleh Model sosiologi. Bagi responden mempunyai tahap pendidikan ‘Sekolah Menengah Kebangsaan’ pula 17.8 peratus dipengaruhi oleh Teori identifikasi parti, 60.5 peratus dipengaruhi pilihan rasional dan 21.6 peratus dipengaruhi oleh Model sosiologi. Seterusnya bagi responden mempunyai tahap pendidikan ‘Kolej dan Universiti’, 15.4 peratus dipengaruhi oleh Teori identifikasi parti, 56.0 peratus dipengaruhi pilihan rasional dan 28.6 peratus dipengaruhi Model sosiologi semasa membuat pilihan politik ketika hari pengundian.

**Jadual 4. Ujian Taburan Silang antara Teori Pilihan dengan Tahap Pendidikan**

Tahap Pendidikan	Identifikasi Parti	Pilihan Rasional	Sosiologi
Tidak bersekolah	0.0	0.0	100.0
Sek. Rendah	100.0	0.0	0.0
Sek. Men. Agama	20.0	40.0	40.0
Sek. Men. Kebangsaan	17.8	60.5	21.6
Kolej/Universiti	15.4	56.0	28.6

Hasil daripada ujian tabung silang menunjukkan bahawa golongan responden yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih rendah cenderung dipengaruhi oleh satu teori pilihan sahaja berbanding golongan responden yang mempunyai tahap pendidikan tinggi yang yang lebih terbuka dalam

membuat pilihan politik. Golongan responden yang tidak mempunyai pendidikan yang tinggi lebih terpengaruh dengan pilihan politik keluarga ini kerana mereka tidak mempunyai maklumat yang cukup untuk menilai dan memilih parti yang mereka inginkan. Seterusnya bagi responden yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi terutamanya peringkat sekolah menengah dan pengajian tinggi pula menunjukkan bahawa pilihan rasional menjadi pilihan kepada rata-rata responden mempunyai tahap pendidikan yang tinggi ini kerana responden dalam kalangan ini lebih bijak membuat pilihan politik kerana mereka cekap huruf dan teknologi maklumat komunikasi yang baik secara tidak langsung mereka mempunyai maklumat yang cukup untuk menilai setiap parti politik. Pilihan rasional yang memberi pulangan faedah sosioekonomi kepada pengundi menyebabkan pilihan rasional mempengaruhi mereka untuk mengundi atas dasar rasional.

Bagi ujian taburan silang antara teori dan pekerjaan (Jadual 5) menunjukkan kakitangan kerajaan yang dipengaruhi oleh identifikasi parti 17.6 peratus, pilihan rasional 67.6 peratus dan model sosiologi 14.7 peratus semasa membuat pilihan mengundi. Bagi kakitangan swasta pula dipengaruhi oleh identifikasi parti 17.6 peratus, pilihan rasional 58.8 peratus dan Model sosiologi 23.5 peratus. Responden bekerja sendiri/berniaga yang dipengaruhi identifikasi parti 12.7 peratus, pilihan rasional 57.3 peratus dan Model sosiologi 30.0 peratus. Pesara 100 peratus atau mewakili seorang dari keseluruhan responden dipengaruhi Model sosiologi, manakala bagi responden pelajar dipengaruhi oleh identifikasi parti 50.0 peratus dan model sosiologi 50.0 peratus bagi pilihan rasional 0.0 peratus. Seterusnya responden sebagai suri rumah yang dipengaruhi identifikasi parti 39.5 peratus, pilihan rasional 52.6 peratus dan Model sosiologi 7.9 peratus, manakala bagi responden yang tidak bekerja hanya dipengaruhi oleh pilihan rasional dan Model sosiologi masing-masing mencatatkan 33.3 peratus dan 66.7 peratus.

Hasil kajian taburan silang ini menunjukkan responden yang bekerja sebagai kakitangan awam paling tinggi dipengaruhi oleh pilihan rasional berbanding Teori identifikasi parti dan sosiologi. Antara alasan hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kakitangan kerajaan lebih melihat kepada prestasi sesebuah organisasi politik yang bebas daripada gejala salah guna kuasa dan yang mampu membangunkan negara yang memberi faedah kepada rakyat. Hasil daripada taburan silang ini juga menunjukkan jenis-jenis pekerjaan responden keseluruhannya menjadikan pilihan rasional sebagai pilihan kelakuan mengundi yang mempengaruhi mereka semasa membuat pilihan parti politik.

**Jadual 5. Ujian Taburan silang antara Teori Pilihan dengan Pekerjaan**

Pekerjaan	Identifikasi Parti	Pilihan Rasional	Sosiologi
Kakitangan kerajaan	17.6	67.6	14.7
Kakitangan swasta	17.6	58.8	23.5
Sendiri/berniaga	12.7	57.3	30.0
Pesara	0.0	0.0	100.0
Pelajar	50.0	0.0	50.0
Suri rumah	39.5	52.6	7.9
Tidak bekerja	0.0	33.3	66.7

Hasil daripada ujian taburan silang antara teori pilihan dan lokasi responden tinggal iaitu bandar dan luar bandar menunjukkan peratusan responden di bandar dipengaruhi dengan teori identifikasi adalah 13.0 peratus, pilihan rasional 57.4 peratus dan model sosiologi 29.6 peratus, manakala bagi responden yang berada di luar bandar menunjukkan dipengaruhi oleh teori identifikasi sebanyak 22.2 peratus, pilihan rasional 55.7 peratus dan model sosiologi 22.2 peratus (Jadual 6).

**Jadual 6. Ujian Taburan Silang antara Teori Pilihan dengan Lokasi**

Lokasi	Identifikasi Parti	Pilihan Rasional	Sosiologi
Bandar	13.0	57.4	29.6
Luar bandar	22.2	55.7	22.2


Melihat kepada hasil dapatan taburan silang ini menunjukkan bahawa penduduk bandar lebih dominan dipengaruhi oleh pilihan rasional dan sosiologi. Penduduk bandar tidak begitu mempunyai semangat kepartian yang tinggi atas sebab faktor penduduk bandar lebih berfikiran yang terbuka

dengan menilai segala aspek ekonomi, politik dan sosial menyebabkan mereka lebih menilai sesuatu perkara dengan rasional berbanding penduduk luar bandar yang masih mempunyai pemikiran tradisional terutama bagi responden mempunyai tahap pendidikan yang rendah. Namun begitu responden bandar dan luar bandar daripada hasil kajian ini mendapati bahawa sikap, pendapat dan tingkah laku politik adalah berbeza antara individu. Walau bagaimanapun keseluruhan responden amat berminat tentang politik sama ada di bandar atau luar bandar.

Sebagai kesimpulannya, dapatan kajian ini bagi perlakuan pengundi menunjukkan bahawa responden lebih cenderung kepada mengikuti ciri-ciri teori pilihan rasional kerana mereka inginkan kemajuan dalam kehidupan dan persekitaran mereka namun ciri-ciri keislaman perlu diterapkan dalam kemajuan yang diharapkan tersebut. Justeru, dapatan ini selaras dengan kajian oleh Ahmad Fawzi (1995) Mohd Azri (2013) dan Junaidi et al. (2014) yang menyatakan pengundi mempunyai rasa tanggungjawab serta meletakkan nilai yang tinggi terhadap undi yang diberikan ketika pilihan raya. Didapati juga para pengundi berusaha untuk memastikan bahawa kerajaan yang terbentuk selepas pilihan raya merupakan sebuah kerajaan yang terbaik baginya. Oleh itu, responden lebih cenderung kepada ciri-ciri teori pilihan rasional ketika mengundi. Namun hasil kajian ini berbeza dengan hasil kajian Mc Gee (1962) dan Ismail (1979) yang menyatakan pengaruh etnik iaitu model sosiologi lebih mempengaruhi sokongan pengundi dalam sesuatu pilihan raya. Begitu juga dengan Ghazali (1999) yang menyatakan bahawa identifikasi parti lebih mempengaruhi pengundi dalam tingkah laku politik mereka.

### *Pilihan politik*

Rajah 3 menunjukkan pilihan politik responden di kawasan kajian. Hasil kajian menunjukkan pilihan responden pada peringkat Negara/Parlimen yang mencatatkan nilai tertinggi adalah kepada PAS iaitu mencatatkan nilai peratusan tertinggi iaitu 35.7 peratus, Barisan Nasional 22.7 peratus dan Pakatan Harapan 14.0 peratus yang menjadi pilihan mereka untuk memerintah Negara/Parlimen, manakala bagi responden yang ‘tidak pasti’ mencatatkan nilai peratusan kedua tertinggi iaitu 27.7 peratus. Pilihan responden mahukan pemerintahan bagi peringkat Negeri/DUN yang mencatatkan nilai peratusan tertinggi adalah kepada PAS iaitu 38.7 peratus, Barisan Nasional 19.7 peratus dan Pakatan Harapan 14 peratus, manakala bagi responden yang ‘tidak pasti’ mahukan memerintah negeri/DUN mencatatkan nilai kedua tertinggi iaitu 27.7 peratus.



Rajah 3. Pilihan politik responden pada peringkat Negara/Parlimen dan Negeri/DUN

Daripada hasil dapatan kajian ini menunjukkan pada peringkat negara, responden paling tinggi memilih PAS yang mereka mahukan memerintah negara/Parlimen walaupun agak mustahil untuk PAS memenangi semua kerusi di Malaysia. Bagi responden mereka mahukan sebuah kerajaan yang berlandaskan syariat agama yang bebas daripada segala masalah rasuah dan sebuah kerajaan yang adil

dan saksama. Selain itu, responden mahukan Barisan Nasional kekal memerintah Malaysia atas alasan bahawa kerajaan yang sedia ada sekarang mempunyai kemampuan dalam membangunkan negara seiring dengan kemajuan teknologi. Tidak ada sebab untuk rakyat menukar kerajaan kerana Kerajaan Pusat/BN telah menunjukkan prestasi yang membanggakan kepada rakyat Malaysia dengan memberi sumbangan yang besar dalam pembangunan ekonomi, politik dan sosial. Responden berharap kerajaan BN akan terus memerintah negara pada pilihan raya akan datang.

Namun pada peringkat negeri Kelantan pula menunjukkan pengundi di Parlimen Pasir Mas masih mahukan PAS yang memerintah negeri Kelantan walaupun Kerajaan PAS Kelantan sekarang tidak dapat untuk memenuhi tuntutan dari segi pembangunan namun responden tidak kisah dan yang penting perjuangan PAS membawa dasar perjuangan Islam telah memberi pelbagai kebaikan kepada rakyat Kelantan daripada pembangunan sosial dan moral rakyatnya dengan diberkati tuhan. Perjuangan PAS membawa dasar perjuangan Islam perlu disokong oleh semua pihak bagi melihat Islam dapat tertegak di Malaysia bermula daripada peringkat tinggi hingga pada peringkat bawah. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian responden yang mahukan BN memerintah di negeri Kelantan pada masa akan datang kerana mereka yakin dengan potensi BN untuk membawa kemajuan kepada negeri ini. Jika negeri Kelantan masih berada dibawah pimpinan PAS, negeri ini tidak dapat maju dan bersaing dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Masalah kebolehan PAS membawa kemajuan pembangunan di negeri Kelantan yang kurang progresif menyebabkan responden berharap agar negeri Kelantan perlu bertukar kepada Barisan Nasional.

Daripada hasil kajian pilihan politik ini juga menunjukkan bahawa responden yang tidak pasti pilihan politik mereka menunjukkan peratusan yang agak tinggi. Responden dalam kalangan ini boleh dikategorikan sebagai pengundi atas pagar yang lebih selesa ‘tunggu dan lihat’ siapa yang dapat memberi faedah dan kebaikan pada mereka akan diterjemahkan dalam peti undi semasa pilihan raya umum nanti. Daripada hasil kajian pendapat umum pengundi Pasir Mas memberi satu gambaran kepada politik Kelantan dan Negara melalui isu-isu yang diutarakan menunjukkan pengundi begitu mengambil tahu tentang politik semasa negara dan negeri. Dengan itu, pihak berkepentingan perlu mengambil langkah sewajarnya dalam menangani isu-isu yang boleh membawa kepada kebencian dan kritikan pengundi kepada mereka seterusnya merangka strategi untuk mengambil hati pengundi-pengundi untuk terus menyokong mereka pada pilihan raya umum akan datang.

Kesimpulannya, dapatan ini berbeza dengan kajian Junaidi (2017b) yang menyatakan pengundi berkecenderungan menyokong BN di kawasan Pengkalan Kubor kerana faktor mentaliti politik pembangunan, berkedudukan di kawasan luar bandar dan pengaruh identifikasi kepartian yang kuat. Berbeza dengan kawasan Pasir Mas yang terletak di kawasan separa bandar, mempunyai pengundi yang lebih islamik dan lebih membangun berbanding di sesetengah kawasan Pengkalan Kubor yang masih ketinggalan. Dapatkan kajian ini juga berbeza dengan dapatan kajian oleh Junaidi dan Mohd Fuad (2016) dalam kajian trend pengundian Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Tenang (Johor), Kerdau (Pahang) dan Merlimau (Melaka) yang menunjukkan bahawa sokongan seterusnya kemenangan calon BN/UMNO dalam PRK tersebut bergantung kepada undi yang disumbangkan oleh kaum Melayu yang mempunyai sentimen perkauman yang tinggi. Ini mengukuhkan lagi hegemoni UMNO terhadap pengundi Melayu dalam persada politik negara hingga sekarang.

## Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, pendekatan tingkah laku teori pilihan rasional lebih dominan berbanding identifikasi parti dan sosiologi. Ini menunjukkan bahawa pengundi di Parlimen Pasir Mas lebih mengutamakan kepentingan yang memperlihatkan keuntungan kepada mereka terutama yang berkaitan dengan ekonomi, kebajikan, pembangunan dan kemudahan awam. Walaupun pilihan rasional menjadi pilihan oleh responden Parlimen Pasir Mas pada masa yang sama mereka mahukan agama sebagai tunjang kepada sesbuah parti yang memerintah mereka dengan pembangunan sosioekonomi sahaja tidak cukup jika pembangunan agama di ketepikan. Pilihan rasional menjadi pilihan kepada pengundi muda yang mencari keselesaan hidup terutama pembangunan sosioekonomi yang baik ditawarkan oleh parti politik akan menjadi pilihan mereka untuk membuat pilihan semasa pilihan raya. Berbanding golongan pengundi berusia yang lebih dominan dengan identifikasi parti dan

sosiologi, manakala tahap pendidikan dan pekerjaan juga menyumbang kepada pilihan rasional daripada hasil kajian ini.

Berdasarkan hasil kajian juga, pilihan politik responden adalah lebih dominan kepada PAS berbanding Barisan Nasional dan Pakatan Harapan. Ini menunjukkan bahawa pengundi di Parlimen Pasir Mas masih membuat pilihan untuk kekal bersama kepemimpinan PAS walaupun parti ini dikatakan mundur namun demi perjuangan agama mereka lebih memilih parti ini berbanding parti lain. Pendapat umum pengundi Pasir Mas memberi satu gambaran kepada politik Kelantan dan negara melalui isu-isu yang diutarakan menunjukkan pengundi begitu mengambil tahu tentang politik semasa negara dan negeri. Dengan itu, pihak berkepentingan perlu mengambil langkah sewajarnya dalam menangani isu-isu yang boleh membawa kepada kebencian dan kritikan pengundi kepada mereka seterusnya merangka strategi untuk mengambil hati pengundi-pengundi untuk terus menyokong mereka pada pilihan raya umum akan datang.

## Rujukan

- Abdul Hamid Abdullah (1995) Ragam pengundi di Malaysia: Satu tinjauan awal. Kertas seminar anjuran Jabatan Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ahmad Fawzi Mohd Basri (1995) Pilihan Raya Umum 1995: Mandat baru menjelang 2000. *Dewan Masyarakat*, Mei.
- Brown GK (2005) Playing the (non) ethnic card: The electoral system and the ethnic voting patterns in Malaysia. *Ethnopolitics*. 4(4): 429-445.
- Campbell A, Converse P, Miller W, Stokes D (1960) *The American voter*. University of Chicago Press, Chicago.
- Downs A (1957) *An economic theory of democracy*. Harper and Row, New York.
- Funston NJ (1980) *Malay politic in Malaysia: A study of the United Malays National Organization and Party Islam*. Heinemann Educational Books (Asia) Ltd, Singapore.
- Ghazali Mayudin (1999) *Teori sains politik pilihan: aplikasinya dalam konteks Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Ismail Kassim (1979) *Race politics and moderation: A study of the Malaysian election process*. Times Book International, Singapore.
- Johnson AT (1980) Electoral consequences of neighborhood improvement project. *Urban Affairs Quarterly* 16, 109-116.
- Junaidi Awang Besar (2012) Persepsi politik dan trend pengundian di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir, Pulau Pinang. *Malaysia Journal of Society and Space* 8, 61-70.
- Junaidi Awang Besar (2017a) Pengaruh identifikasi parti dan politik pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar 2016. *The 6th International Conference on Public Policy and Social Science (ICOPS 2017)*. Organized by Faculty of Adzeministrative Science and Policy Studies, UiTM Kedah Branch and Faculty of Administrative Science and Policy Studies, UiTM Cawangan Negeri Sembilan. TH Hotel & Convention Centre, Alor Setar, Kedah, Malaysia. 8-10 March.
- Junaidi Awang Besar (2017b) Status quo penguasaan Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Kubor, Kelantan Melalui Strategi Politik Pembangunan. *Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar (MATRA) 2017*. Anjuran: Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Dengan Kerjasama: Persatuan Kebangsaan Geografi Malaysia dan Kelab Geografi USM. 23-24 Februari.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali (2009) Pembangunan dan Pilihan Raya Kecil DUN Manek Urai, Kelantan 2009. Kertas Kerja *Seminar Malindo-Nusantara (I)* di The Hills Bukittinggi Hotel, Bukittinggi, Sumatera Barat, Indonesia. Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) - Universitas Andalas (UNAND), Padang, Sumatera Barat, Indonesia. 16-17 Disember.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali (2016) Peranan pengundi melayu dalam pengukuhan hegemoni politik UMNO dalam Pilihan Raya Kecil DUN Tenang, Kerdau dan Merlimau. Dlm. Maslida Yusof, Mohamad Rodzi Abd Razak, Mohammed Azlan Mis & Yusmilayati Yunos

- (Eds.). *Hubungan Malaysia-Indonesia: Sejarah, politik dan keselamatan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Faidz Mohd Zain, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Fuad Mat Jali (2014) Analisis Pilihan Raya Kecil (PRK) 2013-2014 di Malaysia dengan menggunakan Pendekatan Teori Pilihan Rasional, Teori Identifikasi Parti dan Model Sosiologi. Kertas Kerja *Persidangan Antarabangsa Hubungan Malaysia-Indonesia Ke-8 (PAHMI8)* (*The 8<sup>th</sup> International Conference on Malaysia-Indonesia Relations*). Anjuran dan Tempat: Fakultas Hukum, Universitas Lancang Kuning (Unilak), Pekanbaru, Riau, Indonesia. 23-25 September.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Faidz Mohd Zain, Mohd Fuad Mat Jali, Ahmad Rizal Mohd Yusof, Muhammad Hazim Abd Ghani (2015a) Calon lama vs calon muda dalam Pilihan Raya Kecil kawasan Parlimen Rompin dan Parlimen Permatang Pauh 2015. Kertas Kerja *2nd International Conference on Human Sustainability (INSAN 2015)*. The Royale Bintang Resort and Spa, Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia. Faculty of Science, Technology and Human Development, University Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, Johor. 19-20 Oktober.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Novel Lyndon, Sity Daud (2015b) Kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) dan persepsi pengundi terhadap dasar kerajaan: Kajian kes Dewan Undangan Negeri (N25) Kajang, Selangor. *Malaysia Journal of Society and Space* **11**, 78-89.
- Lazarsfeld PF, Berelson B, Gaudet H. (1948) *The people's choice: How the voter makes up his mind in a presidential campaign*. Columbia University Press, New York.
- Martin Holland (1992) *Electoral behaviour in New Zealand*. Oxford University Press, Auckland.
- Mc Gee TG (1962) The Malayan elections of 1959: A study in electoral geography. *The Journal of Tropical Geography* **16**, 70-99.
- Mohd Azri Ibrahim (2013) *Pilihan raya dan tingkah laku pengundi: Kajian kes terhadap Wilayah Persekutuan Labuan* (Tesis PhD). Bangi: Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar (2006) Pilihan Raya Kecil DUN Pengkalan Pasir, Kelantan: Petanda BN menguasai Kelantan. Dlm. Stanislaus Sandarupa. *Prosiding Seminar bersama Universiti Hasanuddin dan Universitas Kebangsaan Malaysia*. Kemelayuan Indonesia dan Malaysia. Universitas Hasanuddin, Makassar, Indonesia.
- Samsiyah Ismail (1996) *Tingkah laku pengundi bandar dan luar bandar bagi pilihan raya 1986, 1990, 1995 di Negeri Kelantan*. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Vasil RK (1972) *The Malaysian general election of 1969*. Oxford University Press, Singapore.
- Walsh F (1979) Time-lag in political geography. *Area* **11**, 91-92.